



IDRIS JUSOH (tengah) bergambar bersama para pembaca puisi pada Malam Laungan Rasa Sehati Sejiwa di Dewan Besar UPM, Serdang, Selangor semalam.. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

Masyarakat Semenanjung wajar contohi perpaduan Sabah, Sarawak


KUALA LUMPUR 14 Sept. - Penduduk Semenanjung boleh menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai contoh terbaik dalam memelihara perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Madeline Berma berkata, di Sabah dan Sarawak, semua penduduk boleh makan dan melakukan aktiviti bersama-sama tanpa mengambil kira agama dan keturunan.

Katanya, di sana, pesta-pesta yang disertai semua kaum bukan berkisar keagamaan sebaliknya mengenai budaya masyarakat setempat seperti lumba perahu Regatta dan Pesta Benak yang meraikan gelombang besar dan lain-lain lagi.

"Dalam aspek sosial, kami bangga kerana dirujuk contoh yang baik untuk perpaduan. Kami tidak ada masalah perpaduan. Boleh dikatakan Semenanjung boleh belajar daripada apa yang ada di Sabah dan Sarawak.

"Perpaduan di sini adalah yang asli," katanya sewaktu menjadi panel *Wacana Ilmuan, Negaraku Malaysia: Di Mana Kita, Ke Mana Kita?* sempena Sambutan Hari Malaysia 2017 anjuran Majlis Profesor Negara (MPN) di Universiti Putra Malaysia (UPM), Seri Kemangan, dekat sini semalam.



IDRIS JUSOH membaca puisi pada Malam Laungan Rasa Sehati Sejiwa di Dewan Besar UPM.

Seramai enam panel membahaskan hujah masing-masing dalam wacana tersebut iaitu Timbalan Pengerusi MPN, Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin; Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosio Budaya MPN, Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong dan Setiausaha Kluster Perpaduan Nasional MPN, Prof. Dr. Sivamurugan Pandian.

Wacana yang dikendalikan oleh Sayed Munawar Sayed Mohd. Mustar itu turut melibatkan Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya

Dr. Awang Asri Awang Ibrahim; Pensyarah Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Madeline Berma dan Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Sarjit Singh Darshan Singh sebagai ahli panel.

Tambah Madeline, masalah yang menjadi isu kepada masyarakat Sabah dan Sarawak pada waktu ini adalah dalam bidang ekonomi.

Katanya, penduduk Sabah dan Sarawak berasa seperti jauh ketinggalan dalam pencapaian ekonomi berbanding penduduk Semenanjung.

Dalam bidang politik pula, menurut Madeline, terdapat ungkapan negatif seperti 'Sarawak for Sarawakian', 'Sabah for Sabahan', namun ungkapan itu hanya muncul dalam segelintir penduduk di sana.

Malah, katanya, wujud juga perasaan tidak puas hati penduduk Sabah dan Sarawak terhadap Kerajaan Persekutuan mengenai 'perjanjian' yang dianggap tidak tertunai.

"Kita ada masalah *moment of disunity* (detik-detik perpecahan) pada waktu ini. Ada sedikit perbalahan tetapi jangan musnah apa yang kita sudah bina," ujarnya.

Madeline turut menzahirkan pengorbanan penjawat-penjawat awam dari Semenanjung yang sanggup berkhidmat di pedalaman Sabah dan Sarawak.